

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH KENAIKKAN SESUATU UMAT DAN KEJATUHANNYA

Maju mundur dan naik turun sesuatu umat adalah perkara biasa dalam masyarakat manusia, tetapi tentu ada sebab-sebabnya, dan tentulah pula masa naik dan turunnya itu terhitung daripada masa yang berperistiwa di dalam sejarah dunia. Peristiwa-peristiwa yang demikian ini terkenal di dalam Islam dengan nama “Hari-hari Allah “ dan sudah tentu tiap-tiap kejadian yang bersejarah yang pernah ditempuh oleh mereka sebagaimana yang diisyaratkan oleh ayat 5 “Surah Ibrahim” firman-Nya :

“.. *Wazakkirhum biayya millah inna fi zalikalaayat in likullisobbarin syakur*”

“.. dan peringatkanlah mereka dengan hari-hati Allah, sesungguhnya – peristiwa-peristiwa – yang demikian itu mengandung tanda-tanda – contoh tauladan yang menjadi iktibar – bagi tiap-tiap orang yang sabar dan syukur.”

BAGAIMANAKAH ILMU PENGETAHUAN ISLAM BERPINDAH KE EROPAH?

Di dalam majalah ini bilangan 23 yang lalu telah dijelaskan sebab-sebab kejatuhan umat Islam setelah kemajuan memuncak tinggi maka pada kali ini akan dijelaskan pula bagaimana ilmu pengetahuan Islam itu telah berpindah ke Eropah lalu kembang biak dan menzahirkan tamadun dunia yang sedang tersergam dengan hebatnya pada hari ini.

Empat kurun lamanya – dari pertengahan kurun yang kedelapan hingga kepada pertengahan kurun yang kedua belas – orang-orang Islam telah bertungkus lumus membongkar, menyelidiki, mencipta dan mengembangkan segenap jenis ilmu pengetahuan dengan seluas-luasnya. Bahasa ilmu pengetahuan pada masa itu ialah bahasa Arab, yang bukan sahaja untuk orang-orang Islam bahkan untuk seluruh penduduk dunia seperti orang-orang Yahudi, Kristian, Parsi, Barber, Turki dan seterusnya.

Islam sebagaimana yang terbentang didalam sejarah adalah menjadi pendorong yang kuat kepada pemeluk-pemeluknya supaya mengharungi

Oleh
Abdullah Basmeh

serba jenis ilmu pengetahuan sehingga mereka telah memakmurkan bumi dan membina tamadun gilang gemilang.

Alim ulama, ahli-ahli pengetahuan

tinggi Islam telah meninggalkan untuk kita pusaka-pusaka yang terlalu besar yang sebahagian daripadanya telah dipunah ranahkan oleh orang-orang Monggol (Yakjuj Makjuj) yang telah melanggar dunia Islam dengan pimpinan “Genghis Khan” dan “Hulaku” dari satu pihak dan oleh seteru-seteru Islam di negeri Sepanyol dari pihak yang lain pula. Manakala yang bakinya kebanyakan telah terserah kepada orang-orang Islam yang jahil lalu dijadikan pusakan terpendam dengan sifatnya pusaka nenek moyang atau pun mereka telah menjualkannya lalu berpindah ke dalam kutubkhanah-kutubkhanah orang-orang asing.

“Inilah – kata Al Ustaz Abdul Rahman Khan pengelola

“Akademi” Hyderabad di dalam majalah “Islamika Review” Ogos 1949 – yang menjadikan kita terhutang budi

kepada orang-orang Barat yang fikir dalam perkara-perkara Timur tatkala mereka menyerahkan kitab-kitab pengetahuan Islam yang telah terpendam sekian lamanya, dan dengan usaha itu mereka telah berkhidmat besar kepada tamadun dunia amnya, dan kepada kebudayaan Islam khususnya.”

Sebelum saya menurunkan riwayat yang memperikan bagaimana ilmu pengetahuan Islam berpindah ke Eropah maka amat molek dicatit disini dengan sepintas lalu akan jasa ahli-ahli pengetahuan Islam kepada dunia :

Orang-orang Islam telah memulakan usaha mereka dengan menterjemahkan ilmu pengetahuan umat-umat dahulu kala daripada bahasa Greek dan Parsi. Bukan sahaja mereka menurunkan ilmu pengetahuan asing dengan bulat-bulat malah mereka telah bekerja keras menyelidik dan mencipta sendiri bagaimana yang dapat dilihat daripada tapak tukul mereka didalam segenap medan ilmu pengetahuan.

Sebaik-baik sahaja timbul kurun Masihi yang kesembilan maka nama-nama Al-Kindi, Al-Khwarizmi, Al-Farghani dan lain-lainnya kedengaran bergema diseluruh dunia ilmu pengetahuan : dalam ilmu hisab dan cawangannya, ilmu falak, falsafah, bunyi-bunyian dan sebagainya. Penyelidikan-penyelidikan Al-Farghani yang mengenai ilmu falak adalah menjadi panduan yang utama kepada pencinta-pencinta ilmu itu sehingga kurun Masihi yang kelima belas dan telah tersalin ke dalam bahasa-bahasa Latin dan Ibrani. Al-Farghani ini telah berjaya mengukur bulatan bumi dan mengetahui ukuran jauh di antara sebuah bintang dengan bintang yang lain, dan juga telah menghitung ukuran besar kecil setengah-setengahnya dan yang mengelilinginya.

“Abu Mashâr” pula yang terkenal kepada orang-orang Barat dengan nama “Albumasar” telah berjaya menghuraikan perkara air pasang surut dan kuasa bulan menyedutnya.

Dalam pertengahan kurun ini juga dunia Barat telah Mengetahui karangan-karangan ahli-ahli pengetahuan Greek seperti seperti Archimedes, Abolonus, dan Menelaus melalui pena ahli-ahli pengetahuan Islam seperti : Al-Mahni, Halal Al-Hamdi, dan Ahmad

Ibnu Yusuf. Manakala Al-Khawarizmi pula telah berjaya menyempurnakan beberapa masalah berkenaan “ilmu ukur” yang terlalu halus dan rumit.

“Al-Batini” pula yang terkenal kepada orang-orang Barat dengan nama “Albategnius” telah mengarang suatu jadual yang mengandungi 880 buah bintang, sebagaimana ia juga telah mengetahui “kumpulan cakerawala matahari” dan telah menyingkap kedudukan beberapa perkara berkenaan ilmu falak yang sangat-sangat penting dan telah jelas dengan nyata pada masa yang akhir ini menurut penyelidikan ilmu pengetahuan baharu. Abu Kamal yang terkemuka dalam ilmu algebra dan Ibrahim Ibnu Sanan yang mashyur dalam ilmu Al-Handasah (Geometri) adalah kedua-duanya telah menghiasi zaman Al-Mas’udi ahli tawarikh Islam yang terbilang itu.

Kita dapati ahli-ahli falsafah Islam pula terlalu luas pengetahuan mereka. “Abu Zakaria Al-Razi” yang terkenal dan diagung-agungkan oleh orang-orang Barat dengan panggilan “Rhazes” bukan sahaja seorang doktor perubatan yang mahar bahkan juga seorang ahli penyelidik dan penyisat berkenaan kejadian-kejadian tabii dan kimia. Ia telah meninggalkan penyelidikan-penyelidikan yang terlalu tinggi mutunya di dalam ilmu perubatan dan telah mendahului “Lavoisier” (seorang Perancis pengasas “ilmu kimia baharu” 1794-1743) dalam penyelidikannya berkenaan tabiat unsur-unsur kimia.

Kurun yang manakah yang tidak akan berbangga dengan orang-orang yang seperti Abdul al-Rahman Al-Sufi, Ibnu Yunus, Ibn Al-Haytham, Al-Biruni, Ibn Sina, Umar al-Khayyam, dan Ibn Rushd.

Penyelidikan Al-Biruni adalah meletakkan dia dalam barisan yang pertama di antara ahli-ahli falak. Manakala kitab “Al-Qanun” atau “Organon” menurut kepelatan orang-orang Barat menyebutnya iaitu beberapa buah kitab perubatan karangan “Ibnu Sina” masih mempunyai kedudukan yang tinggi dalam dunia perubatan. Kemasyhuran “Umar Al-Khayyam” didalam ilmu falak telah mengatasi kemasyhurannya yang besar sebagai seorang pujangga yang telah

menghairankan dunia dengan keindahan syair-syairnya.

Bukan sahaja “Ibnu Rusd” terhitung seorang yang setara dengan “Arastu” jaguh falsafah Greek yang masyhur itu sebagaimana juga “Al-Farabi” malah ia telah mencapai beberapa kelebihan yang istimewa.

Beberapa banyak lagi masalah-masalah yang terlalu tinggi nilainya mengenai iktisad, geografi dan ilmu pengetahuan berkenaan bangsa-bangsa manusia didunia boleh didapati di dalam karangan-karangan Islam yang menceritakan pengembaraan-pengembaraan seperti : pengembaraan “Ibnu Hawqal” pengembaraan “Ibnu Jabir” pengembaraan “Ibn Battutah” dan lain-lainnya. Keutamaan kitab-kitab karangan “Yaqut Al-Hamawi” dan “Al-Darazi” masih mengeluarkan hasil yang bukan sedikit.

Orang yang terkemuka pada zamannya berkenaan ilmu boleh membelah (Al-Tasriyh) ialah “Al-Zahravi”. Banyak pengetahuan yang tinggi mutunya berkenaan ilmu ini telah dijelaskan di dalam kitabnya : “Al-Tasrif”. Satu penggal khas daripada kitab ini berkenaan potong memotong (Al-Jirahah) telah dicetak oleh pihak Universiti Oxford dan Universiti Vennice.

“Ibnu Al-Nafis” pula telah mengarang berkenaan penyakit mata karangan-karangan ahli-ahli pengetahuan Islam berkenaan penyakit ini terlalu tinggi nilainya. Kitab “Nur al-Ain” karangan Sallehuddin bin Yunus adalah menjadi panduan bagi tabib-tabib yang dibelakangnya hingga beberapa kurun lamanya.

Disebabkan murahness hasil pengeluaran tangan – dalam kurun-kurun pertengahan – dan murah harga binatang-binatang kenderaan dan pengangkutan, bertambah pula manusia pada masa itu tidak begitu berhajat kepada benda-benda yang hanya menjadi tambahan yang tidak begitu penting, maka soal membentuk dan menempa jentera-jentera telah tidak diberatkan. Dalam pada itu orang-orang Arab telah mencipta akan jam-jam yang berjalan dengan kuasa air, mereka juga telah mencipta ubat bedil dan telah membentuk kompas untuk pelayaran di laut. Bahkan kapal “Vasco Da Gama” yang belayar ke India adalah dipandu oleh “Ibnu Majid”. (dalam pelayaran inilah Vasco Da Gama

-Portugis- telah berjumpa dengan “Tanjung Harapan” pada tahun 1498.)

Orang-orang Arab telah mengetahui rahsia rumput-rumput dan akar-akar kayu yang berguna dalam perubatan dan telah mengembara dalam segala corak dunia mencarinya. Tidak akan berlebihan jika disebut bahawa orang-orang Arab telah memulakan bercucuk tanam di tanah Sepanyol dengan menggunakan kaedah yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan dari situlah kaedah itu telah tersiar ke Eropah. Tidak pula usaha mereka terhenti kepada tumbuh-tumbuhan malah telah melangkah lebih jauh dalam perkara-perkara binatang-binatang ternakan. Mereka juga telah mengetahui suri perubahan makhluk (nazriyat al-tatur) iaitu diketahui oleh “Al-Nizam” (meninggal 845. M). Riwayat “Hayy bin Yaqzan” yang dikarang oleh Ibu al-Tufayl tidaklah lain daripada suatu kisah yang berdasarkan ilmu pengetahuan secara sambil lalu berkenaan suri perubahan makhluk itu. (yakni perubahan yang meningkat dari keadaan yang serendah-rendahnya kepada keadaan yang setinggi-tingginya.)

Selain daripada kemasyhuran “Jabbir bin Hayyan” pencipta ilmu “algebra” maka ia juga terkenal sebesar-besar penyelidik di dalam ilmu kimia.

Maklumat-maklumat yang sedemikian ini dan yang seumpamanya sudah tentulah didapati daripada kitab-kitab ensiklopedia Islam karangan-karangan Ibnu Al-Nadim Al-Warraq, Ibnu Abi Asibah, Yaqut al-Hamawi, Ibnu Khalakan dan lain-lainnya. Kita tidak melupai penyelidikan-penyelidikan Ibnu Khaldun di dalam ilmu perhimpunan atau masyarakat (ilmu al-ijtima’) yang dengannya ia telah mendahului ahli falsafah Perancis “Auguste Comte” (1798-1853) yang dianggap oleh orang-orang Barat sebagai pencipta ilmu itu pada hal penciptanya yang sebenar ialah Ibnu Khaldun!

* * *

Perkembangan ilmu pengetahuan Islam yang telah dipagarkan di atas setelah membuyung tinggi maka kemudiannya sedikit demi sedikit telah mulai muram dan terbengkalai disebabkan cara pendidikan yang diterima oleh orang-orang Islam mulai

terpesong kerana ahli-ahli agama dan ulama yang berfahaman sempit telah mempengaruhi masyarakat ramai. Banyak ilmu-ilmu yang berguna telah diharamkan menuntutnya dan orang-orang yang mengajarkan ilmu-ilmu tersebut telah menderita dengan sepahit-pahitnya.

Sebagai misal mari kita meninjau masyarakat Islam di tanah Sepanyol dan melihat bagaimana cerdik pandai dan ahli pengetahuan Islam telah menerima pukulan yang hebat daripada orang-orang Islam sendiri yang berfahaman sempit dan taksu buta.

Tatkala Khalifah Muslimin "Al Hakam" memegang tampuk pemerintahan di tanah Sepanyol maka kedapatan baginda sangat-sangat berusaha mengumpulkan kitab-kitab ilmu pengetahuan sehingga baginda telah menaburkan orang-orangnya di Iskandariah, Al-Kaherah, Damsyik dan Baghdad supaya membeli untuknya buku-buku pengetahuan purbakala dengan harga yang semahal-mahalnya. Sehingga baginda telah menyediakan di istananya pujangga-pujangga, ahli-ahli bahasa, penyalin-penyalin, juru-juru tulis, tukang-tukang jilid dan pembawa masuk kitab-kitab dari luar negeri dengan sebanyak-banyaknya. Di dalam kutub khanah kedapatan empat ratus ribu buah kitab, selain daripada 44 jilid yang hanya mengandungi nama-nama kitab-kitab yang tersebut itu. Baginda sendiri kedapatan bertikam lidah dan berbahas dengan alim ulama dan cerdik pandai, mengenai segala jenis ilmu pengetahuan.

Tetapi apakala anakandanya Hisham menduduki takhta kerajaan maka ia pun menindas ahli-ahli falsafah dan merampas kitab-kitab yang mengandungi ilmu-ilmu falsafah, mantik dan falak lalu diperintahkan supaya kitab-kitab itu dibakar ditengah-tengah bandar Cordoba dan semenjak itu ilmu falsafah tidak diajar melainkan dengan cara bersembunyi. Kata ahli tarikh, baginda melakukan yang demikian kerana meraikan ulama-ulama yang berfahaman sempit yang hanya mengagung-agungkan ilmu feqah supaya mereka memandangnya bahawa bagindalah pembela agama. Pendeknya semenjak itu perkembangan ilmu pengetahuan di tanah Sepanyol adalah bergantung kepada raja-raja yang memegang teraju pemerintahan. Kalau mereka dari golongan pencinta ilmu pengetahuan maka

akan kembanglah dan bersemaraklah ilmu-ilmu itu, kalau tidak maka akan hilang lenyap dan pupus.

Demikianlah halnya hinggalah tiba masa pemerintahan al-Khalifah Abdul Mu'min daripada raja-raja "Al-Muhadin" maka baharulah ilmu hikmah dan falsafah tersiar dengan bebasnya sebagaimana keadaannya dalam zaman yang cemerlang dahulu dan semenjak itu jaguh-jaguh falsafah yang kebelakangan pun berkumpulah di istana seperti: Ibnu Zuhr, Ibnu Bajjah, Ibnu Tufayl, dan Ibnu Rushd. Apabila Al-Amir Yusuf menggantikan kerajaan Abdul Mu'min maka Ibnu Rushd mendapat kedudukan yang istimewa lalu diangkat menjadi hakim bagi bandar "Sevilla" dari tahun 565 hingga 567 H.

Tatkala Yaqub Al-Mansor menggantikan kerajaan Al-Amir Yusuf maka Ibnu Rushd masih mendapat kedudukan yang tinggi tetapi akhirnya dengan hasutan alim ulama yang berfahaman sempit maka Ibnu Rushd telah difitnahkan dengan beberapa perkara yang mengenai agama dan siasah. Akhirnya ia telah diasingkan di sebuah qariah yang bernama "Insaniah" berhampiran dengan Cordoba yang kebanyakan penduduknya daripada kaum Yahudi. Khalifah pun mengeluarkan perintah membakar kitab-kitab falsafah dan lain-lain ilmu pengetahuan yang dipandang tidak kena mengena dengan agama. Pada hal baginda sendiri dengan bersembunyi mempelajari kitab-kitab yang dilarangnya itu!

Setelah puas menderita maka Ibnu Rushd telah dibebaskan tetapi hanya setahun kemudian daripada itu iaitu tahun 595 H jaguh falsafah Islam terkemuka ini telah meninggal dunia dalam masa umurnya 75 tahun. Meskipun ia telah meninggal ketika berada di Morroco tetapi mayatnya telah dipindahkan dan kebumikan di bandar Cordoba.

Semenjak zaman inilah muramlah cahaya ilmu pengetahuan Islam di dalam negeri-negeri Islam sendiri disebabkan sempitnya fahaman ilmu amalnya! Lalu berpindah sedikit demi sedikit dipelajari oleh orang-orang Eropah yang telah tiba pula giliran

mereka mengambil kedudukan yang penting ditengah-tengah masyarakat dunia setelah orang-orang Islam membuang dunia!

Ilmu-ilmu Islam Berpindah Tangan.

Karangan-karangan Ibnu Rushd mulai diterjemahkan ke bahasa Perancis oleh Moses bin Tibbon dan Samuel bin Tibbon – dua beradik daripada bangsa Yahudi peranakan Sepanyol. Kedua-duanya inilah yang mula-mula menterjemahkan karangan Ibnu Rushd untuk Eropah.

Dengan perintah “Fredrick Yang Kedua” Raja Jerman yang terkenal mencintai ilmu falsafah maka karangan-karangan Arab berkenaan falsafah telah diterjemahkan oleh Yahuza bin Suleiman Cohen seorang Yahudi peranakan Italy dalam tahun 1247M. Terlebih dahulu daripada itu iaitu dalam tahun 1232 Ya'qub bin Abi Maryam bin Abi Shamsun seorang Yahudi yang terkenal di bandar Naples (Itali) telah menterjemahkan beberapa karangan Ibnu Rushd. Dalam kurun Masihi keempat belas karangan-karangan falsafah Ibnu Rushd mendapat kedudukan yang tinggi kerana beberapa orang Yahudi telah tampil menterjemahkannya ke bahasa Ibrani dan ke bahasa-bahasa Eropah.

Berkenaan soal ini maka “Sidyu” ahli tarikh Perancis di dalam bukunya “Ringkasan Sejarah Arab” menulis :

“Tidak tersembunyi bahawa orang-orang Eropah telah mendapat faedah yang besar daripada karangan-karangan Arab kerana yang pertamanya “Jebrat” yang menjadi Pope (Ketua Agung Kristian) yang bertempat di bandar Rom dan yang bergelar “Sylvester yang kedua” telah membawa orang-orang Eropah – dari tahun 970 hingga 980 M – ilmu pengetahuan falak yang didapatinya daripada orang-orang Arab di negeri Sepanyol.

“Kedua – Hillard (Herald?) seorang Inggeris yang telah mengembara di negeri Sepanyol dan Mesir dari tahun 1100 hingga 1120 M. Telah menterjemahkan dasar-dasar Euclides

(ilmu ukur) dari bahasa Arab setelah orang-orang Arab menterjemahkan daripada bahasa Yunani. Sebagaimana “Rudolph” (Belgium) telah menterjemahkan daripada bahasa Arab karangan Batlimus yang mengenai bumi dan langit yang lengkap dengan peta-petanya. Seterusnya pula “Leonard” telah mengarang sebuah buku berkenaan ilmu algebra yang telah dipelajarinya, di negeri Arab.

Manakala Pete Lion (Poland) telah menterjemahkan kitab “Al-Khazan” berkenaan cahaya dan pemandangan. “Roger” Raja Pulau Sicily yang kemudiannya telah diturut oleh Fredrick yang kedua memberi sepenuh-penuh bantuan supaya ilmu pengetahuan Islam disalin ke dalam bahasa Eropah, sehingga anak-anak Ibnu Rushd telah digajikan mengajar ilmu tarikh tabii yang mengenai tumbuh-tumbuhan dan haiwan.”

Ahli sejarah Perancis itu ada menyebutkan lagi bahawa kitab-kitab “Al-Qanun” karangan Ibnu Sina berjumlah lima buah telah diterjemahkan ke bahasa Eropah dan dicetak berulang-ulang. Kitab-kitab karangannya dan karangan Al-Razi telah berkekalan dipelajari dalam sekolah-sekolah Eropah enam kurun lamanya.

Karangan “Al-Razi” dalam perubatan telah dicetak dibandar Vennice dalam tahun 1510. Manakala kitab-kitab perubatan karangan “Ali bin Abbas Al-Farisi” yang berjumlah dua puluh buah dan yang telah dikehendaki kepada raja “Ayd Al-Daulat Al-Buyahii” (Parsi) telah diterjemahkan orang ke dalam bahasa Latin pada tahun 1137 M. Dan telah dicetak oleh Mikhail Kabala di bandar Lyon - Perancis dalam tahun 1532.

Sekianlah riwayat sepintas lalu bagaimana ilmu-ilmu pengetahuan Islam telah berpindah ke Eropah setelah dilontarkan oleh orang-orang Islam yang telah terpengaruh kepada ilmu ulamanya yang berfaham sempit dan menjadi batu penarung yang menyebabkan kejatuhan dan kemundurannya!

(Dalam keluaran yang akan datang dijelaskan bagaimana pula ilmu pengetahuan Islam telah kembang biak di tangan orang-orang Eropah setelah ditambah dan diperbaiki sehingga dapat mencipta tamadun dunia baharu yang gilang gemilang!)